

13 JUN 2003

Syariah/I

UNDANG-UNDANG SYARIAH DI M'SIA MENDAHULUI INDONESIA - PROF OSMAN

Oleh: Salmy Hashim

WASHINGTON, 13 Jun (Bernama) -- Langkah ke arah pelaksanaan komprehensif undang-undang syariah di Malaysia mendahului Indonesia walaupun komposisi penduduk Malaysia berbilang bangsa dan agama, kata Datuk Dr Osman Bakar dari Georgetown University di sini pada Khamis.

Pada satu persidangan mengenai politik syariah di dua buah negara itu, profesor pengajian Islam Malaysia itu berkata sungguhpun undang-undang syariah kini terbatas kepada perkara-perkara perkahwinan, perceraian dan pewarisan, kerajaan Malaysia sedang mengambil langkah untuk menggabungkan perkara mengenai alam sekitar, buruh dan kewangan dalam undang-undang syariah.

Umno, yang diketuai Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dilihat lebih berminat untuk memasukkan nilai-nilai Islam yang dapat diterima oleh semua rakyat Malaysia ke dalam undang-undang sivil yang sedia ada, sementara PAS sebagai pembangkang mahukan undang-undang syariah dalam bentuk yang klasik terutama undang-undang Hudud.

Dr Osman menjangkakan bahawa beberapa pandangan ekstrem dari orang Islam akan akhirnya diterima sebagai suatu yang sederhana oleh orang bukan Islam dalam pelaksanaan undang-undang syariah di Malaysia selaras dengan ciri-ciri sebuah negara berbilang agama dan tuntutan demokrasi.

Tidak mustahil bagi bukan Islam untuk menerima undang-undang dan institusi yang berasaskan prinsip Islam, seperti perbankan Islam. Menurut sumber, lebih ramai orang bukan Islam mengambil peluang daripada kemudahan yang ditawarkan oleh perbankan Islam.

Dr Osman juga memberi contoh PAS yang menangguk pelaksanaan undang-undang Hudud selepas mengadakan beberapa siri dialog politik dengan orang bukan Islam.

"Jika mereka mahu berkuasa, mereka hendaklah lebih pragmatik untuk mengambil kira pandangan orang bukan Islam," kata Dr Osman, Kursi Islam Asia Tenggara di universiti itu.

Beliau berkata pelaksanaan undang-undang syariah sangat kompleks di Malaysia kerana masyarakatnya yang berbilang kaum, peranan penting sembilan sultan dan raja dalam hal ehwal Islam, suara parti pembangkang seperti PAS, DAP dan suara lantang pertubuhan bukan kerajaan seperti Sisters in Islam.

Dr Amirul Hadi, professor dalam Bahasa Arab dan Sejarah Islam di Institut Pengajian Islam Ar-Raniry State di Banda Aceh, berkata radikal Islam di bawah bekas presiden Indonesia, Suharto merasa tertekan kerana pemimpin itu lebih mengutamakan prinsip sekular Pancasila.

Sementara pembangunan ekonomi adalah berjaya, ia tidak disusuli dengan kesaksamaan sosial dan ekonomi sehingga mewujudkan jurang yang lebih luas antara yang kaya dan miskin, yang akhirnya membawa kepada sikap radikal di kalangan masyarakat bawahan.

Kejatuhan regim Suharto telah membawa kepada negara tanpa undang-undang, "kumpulan Islam telah mengambilalih", dan perbahasan mengenai undnag-undang syariah sedang meningkat, kata Amirul.

-- BERNAMA

SH HS BK RON